



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 12, Blok E7, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan  
Persekutuan,  
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545  
Faks :603-88895542  
E-mail :ismailmerican@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA**  
**DEMAM DENGGI DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA**  
Bagi Minggu 6/2011 (6 hingga 12 Februari 2011)

Pada minggu keenam tahun 2011 iaitu bagi tempoh 6 hingga 12 Februari 2011, sejumlah 391 kes Demam Denggi dengan satu kematian telah dilaporkan di seluruh negara, meningkat sebanyak 19 kes atau 5% berbanding 372 kes pada minggu sebelumnya. Terdapat tujuh buah negeri yang menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu lepas iaitu Johor yang meningkat sebanyak 15 kes (43%), Perak 13 kes (72%), P.Pinang 9 kes (38%), WP Kuala Lumpur/Putrajaya 6 kes (27%), Pahang 4 kes (19%), Melaka 3 kes (100%) dan Perlis meningkat sebanyak 2 kes (200%) (Lampiran A).

Jumlah terkumpul kes sehingga 12 Februari 2011 adalah 2,862, penurunan sebanyak 55% atau 3,431 kes berbanding dengan 6,293 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama tahun 2010. Kes kematian akibat Denggi juga menurun sebanyak 74% atau 17 kematian, di mana terdapat 6 kematian bagi tahun 2011 berbanding 23 dalam tempoh yang sama pada tahun 2010.

Pada minggu lepas, terdapat satu kematian Demam Denggi dilaporkan, iaitu dari Johor. Kes melibatkan seorang lelaki berusia 58 tahun yang juga menghidap *Diabetes Mellitus*, bekerja sebagai

pengurus ladang telah mengalami komplikasi iaitu Demam Denggi Berdarah dan meninggal dunia pada 6 Februari selepas seminggu dijangkiti Denggi. Tindakan kawalan iaitu semburan kabus telah dijalankan dikawasan kediaman dan tempat kerja pesakit bagi memastikan tiada lagi kes jangkitan Demam Denggi di kawasan ini.

Di seluruh negara terdapat 79 lokaliti wabak di 23 daerah. Dari jumlah tersebut, 8 lokaliti merupakan lokaliti *hot spot* denggi di mana wabak telah berlarutan melebihi sebulan. Lima dari 8 lokaliti *hot spots* ini adalah di daerah Gombak, Selangor. Lokaliti *hotspots* ini berterusan melaporkan kes Denggi dan sehingga 12 Februari terdapat sebanyak 113 kes dilaporkan dari kawasan ini (Lampiran C). Malah 3 dari 8 lokaliti hotspots ini masih tidak bersih dan mempunyai kadar pembiakan *Aedes* yang tinggi (Lampiran D). Walau pun gotong-royong telah dijalankan kepada 4 daripada 8 lokaliti hotspots (Kg Baru Sg Terentang, Taman Tun Teja Apartment Rawang dan Taman Muhibbah Rawang di Selangor serta Rantau Perintis di Pahang) namun tabiat masyarakat yang berterusan membuang sampah merata-rata, menyebabkan kawasan tersebut kembali kotor seminggu selepas gotong-royong dijalankan.

Walaupun bilangan kes setakat ini jauh lebih rendah berbanding tahun sebelumnya, masyarakat diingat supaya tidak mengambil mudah dan alpa. Denggi boleh meningkat semula dan mengancam kesejahteraan masyarakat jika langkah-langkah pencegahan tidak diambil dengan serius. Perubahan sikap mementingkan kebersihan juga amat penting bagi menjamin kesihatan umum. Menyedari tabiat pembiakan nyamuk *Aedes*, kebersihan menyeluruh dari pembiakan *Aedes* amat penting bagi menghindarkan penularan demam denggi. Ia menuntut kerjasama setiap individu dan isi-rumah disesuatu lokaliti

tersebut. Apa yang berlaku di kawasan *hot spots* adalah manifestasi dari masalah ini. Selagi masih terdapat walau segelintir masyarakat yang tidak memberi kerjasama membebaskan persekitaran dari pembiakan Aedes, selagi itulah risiko jangkitan denggi akan terus berlaku.

Bagi Penyakit Chikungunya, tiada kes dilaporkan untuk tempoh 6 hingga 12 Februari 2011. Jumlah terkumpul kes Chikungunya ialah 3 kes, penurunan sebanyak 99% berbanding dengan 365 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama pada tahun 2010 (Lampiran B).

**TAN SRI DATO' SERI DR. HAJI MOHD ISMAIL MERICAN**

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

14 Februari 2011

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 6/2011  
(6 hingga 12 Februari 2011)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 6/2011	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 6/2010
		Minggu 6 (6 – 14 Februari 2011)	Minggu 5 (30 Januari – 5 Februari 2011)		
1	Perlis	2	0	18	21
2	Kedah	13	13	81	56 (1)
3	P. Pinang	33	24	233	159 (2)
4	Perak	31	18	191	156
5	Selangor	137	144	1,004 (1)	2,830 (13)
6	WPKL & Putrajaya	28	22	182	551 (1)
7	N. Sembilan	11	18	76	348
8	Melaka	6	3	67	61 (1)
9	Johor	50 (1)	35 (1)	289 (3)	374
10	Pahang	25	21 (1)	168 (1)	151 (1)
11	Terengganu	16	18	148 (1)	131
12	Kelantan	16	20	125	107
13	Sarawak	17	25	193	1,022 (4)
14	Sabah	6	10	83	320
15	WP Labuan	0	1	4	6
	<b>MALAYSIA</b>	<b>391 (1)</b>	<b>372 (2)</b>	<b>2,862 (6)</b>	<b>6,293 (23)</b>

Nota: ( ) Kematian

**KES CHIKUNGUNYA DILAPORKAN PADA MINGGU 6/2011  
(6 hingga 12 Februari 2011)**

Bil	Negeri	Bilangan Kes		Jumlah Terkumpul kes Chikungunya sehingga minggu 6/2011	Jumlah Terkumpul kes Chikungunya sehingga minggu 6/2010
		Minggu 6 ( 6 – 12 Februari 2011)	Minggu 5 ( 30 Januari – 5 Februari 2011)		
1	Perlis	0	0	0	0
2	Kedah	0	0	0	0
3	P. Pinang	0	0	0	0
4	Perak	0	0	0	0
5	Selangor	0	0	0	9
6	WPKL & Putrajaya	0	0	0	0
7	N. Sembilan	0	0	0	0
8	Melaka	0	0	0	0
9	Johor	0	0	0	1
10	Pahang	0	0	0	1
11	Terengganu	0	0	0	0
12	Kelantan	0	0	0	2
13	Sarawak	0	0	0	345
14	Sabah	0	1	3	4
15	WP Labuan	0	0	0	3
	<b>MALAYSIA</b>	<b>0</b>	<b>1</b>	<b>3</b>	<b>365</b>

**SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* DILAPORKAN SEHINGGA MINGGU 6  
BAGI TAHUN 2011**

<b>Bil</b>	<b>Negeri</b>	<b>Daerah/Zon/ PBT</b>	<b>Lokaliti</b>	<b>Jumlah Kes</b>	<b>Tempoh Wabak Berlaku (Hari)</b>
1	SELANGOR	MPS (GB)	Kg Baru Sg Terentang	30	73
2	SELANGOR	MPS (GB)	Taman Tun Teja Apartment Rawang	19	61
3	SELANGOR	MPAJ (GB)	Taman Al-Ridzuan (Zon A)	7	39
4	SELANGOR	MPS (GB)	Taman Muhibbah Rawang	6	37
5	SELANGOR	Gombak	Selayang Baru K4	16	30
6	SELANGOR	MPSJ (PT)	Taman Puchong Perdana (Jln Perdana 4)	4	30
7	WPKL	Cheras	Taman Miharja ( Fasa 1)	17	67
8	PAHANG	Maran	Rantau Perintis	14	34

**SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* YANG MASIH MEMPUNYAI KADAR  
PEMBAIKAN NYAMUK AEDES YANG TINGGI PADA MINGGU 6  
BAGI TAHUN 2011  
(6 hingga 12 Februari 2011)**

<b>Bil</b>	<b>Negeri</b>	<b>Daerah/Zon/ PBT</b>	<b>Lokaliti</b>	<b>Peratus rumah positif daripada jumlah rumah diperiksa (%)</b>	<b>Jum. bekas positif daripada 100 rumah diperiksa</b>
1	SELANGOR	MPS (GB)	Kg Baru Sg Terentang	5.6	6
2	SELANGOR	MPAJ	Taman Al-Ridzuan Zon A	4.1	4
3	SELANGOR	Gombak	Selayang Baru K4	1.5	2